

# Sembilan ahli LPU UMS hadiri mesyuarat

UB 7-9-16 82


LABUAN: Seramai sembilan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menghadiri Mesyuarat LPU UMS Ke-74 di Bilik Seminar Kiamsam, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Mesyuarat yang bermula jam 8.30 pagi itu dipengerusikan Pengerusi LPU UMS Tun Zaki Tun Azmi.

Turut hadir, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Terdahulu, ketibaan Zaki di pekarangan Bangunan Menara disambut Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik.

Selepas mesyuarat itu, Murnizam menyampaikan taklimat mengenai



**ZAKI (empat kanan) bergambar kenangan bersama ahli LPU UMS di UMSKAL, kelmarin. Turut kelihatan Harun (tiga kiri).**

pengurusan pentadbiran dan pembangunan UMS Labuan di Bilik Sri Seminar.

Pada sebelah petang, Zaki menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Pelajar

Baharu UMS Labuan Sesi 2016/207 di Dewan Kuliah Pusat (DKP).